

SMK MERADONG, BINTANGOR SARAWAK
PEPERIKSAAN 2 PENGGAL 1
GEOGRAFI (2 Jam)

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(Lim Siew Choo)
Bahagian A

(Ung Kiew King)
Bahagian B

(Ling Tak Wai)
Penyelaras Geo

(En. Norman Shaffae)
Penolong Kanan T.6

Nama: _____

Tingkatan: _____

Markah: _____

Bahagian A [40 markah]

Jawab soalan1 dan salah satu daripada soalan 2 atau 3 sahaja.

1.a. Nyatakan perbezaan proses berikut berdasarkan perkara yang dinyatakan: [4]

Perkara	Proses luluhawa	Proses hakisan
Agen		
Tempoh		

b. Huraikan faktor geologi yang mempengaruhi proses luluhawa. [4]

- i.
.....
.....
.....
- ii.
.....
.....
.....

c. Huraikan bagaimana hujan mempengaruhi proses hakisan di permukaan cerun. [3]

-
.....
.....
.....

d. Cadangkan 2 langkah bukan perundangan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kejadian hakisan di permukaan bumi. [4]

i.

.....

.....

.....

.....

.....

ii.

.....

.....

.....

.....

.....

Jawab sama ada soalan 2 *atau* soalan 3 sahaja.

2.a. Sejauh manakah kegiatan manusia mempengaruhi jumlah penerimaan bahangan suria di sesuatu kawasan. [13]

b. Huraikan bagaimana sistem fizikal bumi dihidupkan dengan penerimaan tenaga suria. [12]

3.a. Huraikan faktor yang mempengaruhi pembentukan pelbagai bentuk muka bumi gunung berapi. [10]

b. Huraikan kesan letusan gunung berapi terhadap alam sekitar fizikal. [8]

c. Jelaskan faktor yang menyebabkan masih ramai penduduk suka tinggal di sekitar kawasan gunung berapi walaupun mereka tahu bahayanya letusan gunung berapi. [7]

atau

3.b.i. Huraikan faktor fizikal yang menyebabkan tenaga aliran sungai berkurangan. [12]

b.ii. Bincangkan langkah-langkah untuk mengurangkan pemendapan sungai. [13]

BAHAGIAN B : ALAM SEKITAR MANUSIA
[40 markah]


Jawab semua soalan.

4 (a) Nyatakan **tiga** jenis piramid penduduk.

[3]

- (i)
- (ii)
- (iii)

Rajah 1: Piramid Penduduk Malaysia 2020



(b) Berdasarkan Rajah 1, jelaskan tiga ciri demografi penduduk negara Malaysia pada tahun 2020. [6]

- (i)
-
-
- (ii)
-
-

(iii).....

.....

.....

(c) Huraikan tiga cabaran yang dihadapi oleh Malaysia yang memiliki piramid penduduk sedemikian [6]

(i).....

.....

.....

(ii).....

.....

.....

(iii).....

.....

.....

Jawab sama ada soalan 5 atau soalan 6.

5. (a) Sejauh manakah dasar kerajaan mempengaruhi pertumbuhan penduduk di sesebuah negara? [13]

(b) Jelaskan kesan pertumbuhan penduduk terhadap sumber alam di sesebuah kawasan. [1]2

6. (a) Huraikan enam peranan bandar metropolis terhadap pembangunan sesebuah negara. [12]

(b) Bincangkan enam kesan negatif pembangunan sesebuah bandar metropolis terhadap sosial ekonomi negaranya. [13]

BAHAGIAN A : ALAM SEKITAR FIZIKAL

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Cadangan jawapan

1.a. Nyatakan perbezaan proses berikut berdasarkan perkara yang dinyatakan: [4]

Perkara	Proses luluhawa	Proses hakisan
Agen	● Unsur cuaca	● Unsur yang bergerak
Tempoh	● Lama	● Singkat

b. Huraikan faktor geologi yang memengaruhi proses luluhawa. [4]

- b1. Kekerasan batuan
- b2. Warna batuan
- b3. Keporosan batuan
- b4. Rekahan batuan
- b5. Komposisi kimia batuan/ kandungan batuan

c. Huraikan bagaimana hujan mempengaruhi proses hakisan di permukaan cerun. [3]

- c1. Intensiti hujan yang lebat – larian air permukaan – tanah mudah terkikis
- c2. Saiz titisan hujan – hempasan kuat – butiran tanah terbungkil
- c3. Tempoh hujan – larian air permukaan – tanah terkikis

d. Cadangkan 2 langkah bukan perundangan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kejadian hakisan di permukaan bumi. [4]

- d1. Penanaman litupan tumbuhan
- d2. Pengstrukturkan – sungkupan plastik/ penyimenan cerun/ sistem perparitan
- d3. Kempen : “Cintailah Hutan Kita.”

2.a. Sejauh manakah kegiatan manusia mempengaruhi jumlah penerimaan bahangan bumi di sesuatu kawasan. [13]

- a1. Pembalakan
- a2. Pembinaan badan air
- a3. Pembinaan permukaan konkrit
- a4. Litupan tumbuhan
- a5. Warna permukaan bumi
- a6. Litupan awan
- a7. Badan air/ jasad air
- a8. Aspek
- a9. Tempoh siang panjang
- ax. Penegasan

- b. Huraikan bagaimana sistem fizikal bumi dihidupkan dengan penerimaan tenaga suria. [12]
- b1. Sistem atmosfera – perbezaan suhu dan tekanan udara – pembentukan angin
 - b2. Sistem hidrosfera – proses sejatan – kitaran hidrologi
 - b3. Sistem litosfera – batuan panas dan mengembang – pecah dan terluluhawa
 - b4. Sistem biosfera – proses fotosintesis – rantai makanan
- 3.a. Huraikan faktor yang mempengaruhi pembentukan pelbagai bentuk muka bumi gunung berapi. [10]
- a1. Bahan yang diletuskan
 - a2. Kekuatan letusan
 - a3. Sifat lohong
 - a4. Kekerapan letusan
 - a5. Proses pengondolan
- b. Huraikan kesan letusan gunung berapi terhadap alam sekitar fizikal. [8]
- b1. Aliran lava
 - b2. Gas beracun
 - b3. Piroklastik
 - b4. Gegaran
 - b5. Pembebasan haba
- c. Jelaskan faktor yang menyebabkan masih ramai penduduk suka tinggal di sekitar kawasan gunung berapi walaupun mereka tahu bahayanya letusan gunung berapi. [7]
- c1. Tanah lava bes – subur, akt pertanian
 - c2. Bentuk muka bumi – bentuk kon gunung berapi: pelancongan
 - c3. Air bawah tanah/geiser : pelancongan
 - c4. Kolam yang berlumpur : utk kosmetik dan menjaga kulit.
 - c5. Batuan igneus : Sumber galian , pelombongan kuari.
 - c6. Tasik kawah / krater : aktiviti akuakultur/ perikanan, rekreasi, pelancongan & petempatan.
 - c7. Kolam air panas : Pelancongan / rekreasi / perubatan
- 3.b.i. Huraikan faktor fizikal yang menyebabkan tenaga aliran sungai berkurangan. [12]
- b.i.1. Kecerunan alur sungai
 - b.i.2. Bentuk alur
 - b.i.3. Bahan muatan
 - b.i.4. Halangan
 - b.i.5. Isi padu air
 - b.i.6. Kekasaran alur

b.ii. Bincangkan langkah-langkah untuk mengurangkan pemendapan sungai. [13]

- b.ii.1. Wartakan hutan simpan
- b.ii.2. Penguatkuasaan undang-undang
- b.ii.3. Penanaman litupan tumbuhan
- b.ii.4. Pengstruktur
- b.ii.5. Kempen kesedaran
- b.ii.6. Langkah pemulihan – mengorek mendapan
- b.ii.7. Pemantauan

BAHAGIAN B : ALAM SEKITAR MANUSIA

[40 markah]

Jawab semua soalan.

4 (a) Nyatakan tiga jenis piramid penduduk. [3]

- a1 – Piramid progresif
 - a2 – Piramdi regresif/peralihan
 - a3 – Piramid perantaraan/stabil
- Mana-mana 3 x 1m = 3m.

(b) Berdasarkan Rajah 1, jelaskan tiga ciri demografi penduduk negara Malaysia pada tahun 2020. [6]

b1 – kadar kelahiran menurun – perkahwinan pada usia lewat dan peningkatan golongan wanita bekerjaya

b2 – jangka hayat penduduk meningkat – kemajuan taraf/teknologi perubatan dan kesedaran gaya hidup sihat di kalangan masyarakat

b3 – nisbah jantina hampir seimbang pada peringkat umur muda dan dewasa – perempuan lebih ramai pada usia tua berbanding lelaki – amalan penjagaan kesihatan lebih baik di kalangan perempuan

b4- struktur umur – penduduk dewasa lebih ramai berbanding golongan tua dan kanak-kanak – nisbah tanggungan tinggi untuk golongan tua

Mana-mana $3 \times 2m = 6m$

(c) Huraikan tiga cabaran yang dihadapi oleh Malaysia yang memiliki piramid penduduk sedemikian [6]

c1 – kekurangan tenaga buruh pada masa hadapan – kekurangan tenaga kerja dalam sektor tertentu dan terpaksa bergantung kepada tenaga buruh asing

c2 – bebanan kerajaan bertambah akibat penuaan penduduk – menampung kos kehidupan dan keperluan golongan tua yang meningkat seperti bayaran pencen, kos perubatan

c3 – peningkatan golongan bujang – ramai yang memiliki terus bujang dan perkahwinan usia lewat meningkat – kadar kesuburan akan semakin menurun yang menyebabkan pertumbuhan penduduk semakin menurun

c4. Perubahan Dalam Pasaran Pengguna: Perubahan demografi boleh memberi kesan kepada pola permintaan dalam pasaran, memerlukan perubahan dalam strategi pemasaran dan pengeluaran.

c5 Pengurangan Dalam Kadar Pertumbuhan Penduduk: Kadar pertumbuhan penduduk yang rendah boleh mempengaruhi dinamika ekonomi dan sosial negara secara keseluruhan.

Mana-mana $3 \times 2m = 6m$

5 (a) Sejauh manakah dasar kerajaan mempengaruhi pertumbuhan penduduk di sesebuah negara? [13]

Dasar kerajaan:

a 1 – dasar kerajaan yang menggalakkan kadar kelahiran – seperti Dasar 70 juta di Malaysia - pemberian cuti bersalin tiga bulan, rebat cukai pendapatan, insentif kelahiran dalam bentuk wang tunai, penyediaan kemudahan kesihatan percuma

a 2 – dasar kerajaan yang mengurangkan kelahiran/mengawal pertumbuhan penduduk -seperti Dasar Saiz Keluarga Kecil – satu keluarga seorang anak di negara China – mengenakan tambahan cukai pendapatan, denda, menarik balik kemudahan bagi kelahiran yang melebihi had

Selain daripada dasar kerajaan, terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di sesebuah negara. Antaranya:

a 3-kegagalan program perancangan keluarga – taraf pendidikan rendah, halangan adat, agama dan status quo, kos tinggi untuk pengguguran, ikatan rahim, teknik AUD

a 4 – amalan kahwin usia muda – meningkatkan kadar kesuburan yang menyebabkan kelahiran meningkat – negara seperti India, Nigeria

a 5- keperluan tenaga buruh/tenaga manusia – sesetengah negara tenaga buruh dari ahli keluarga khususnya sektor pertanian

a 6- peningkatan kualiti hidup –pendapatan perkapita penduduk meningkat – mampu menyara ahli keluarga lebih ramai, amalan pemakanan lebih seimbang meningkatkan jangka hayat

a 7- kestabilan politik dan ekonomi- dasar kependudukan dapat dilaksana dengan lebih berkesan – kelahiran ditambah untuk keperluan tenaga kerja jangka panjang dan perluasan pasaran

Mana-mana $6 \times 2m = 12m + 1m$ (penegasan)

(b) Jelaskan kesan pertumbuhan penduduk terhadap sumber alam di sesebuah kawasan.
[12]

b 1 -tekanan terhadap sumber alam khususnya sumber tanah – persaingan guna tanah untuk pertanian, petempatan, perindustrian – saiz tanah sempit dan nilai tinggi

b 2- kerosakan terhadap sumber alam – aktiviti pemotongan cerun, penerasan dan perataan bukit untuk pembangunan – merosakkan struktur tanah cerun – hakisan tanah dan tanah runtuh

b 3 – kepupusan sumber alam -kawasan hutan ditebang untuk keperluan perumahan, pertanian dan pembinaan infrastruktur akibat pertambahan penduduk -sumber kepelbagaian biologi hutan musah / sumber mineral seperti bijih timah, besi emas habis/pupus akibat dieksploitasi berlebihan untuk menampung keperluan manusia

b 4 – pencemaran sumber alam – tumpuan penduduk di sesebuah kawasan meningkatkan penggunaan kenderaan, pertambahan kilang, penggunaan sumber air, pembuangan sisa domestik – pencemaran air/udara/bunyi

b 5- peningkatan suhu setempat – peneraakan kawasan hutan untuk pembinaan, pertanian, perindustrian- litupan tumbuhan berkurangan – peningkatan gas rumah hijau – suhu persekitaran meningkat

b 6 – pembangunan sumber alam meningkat – sumber alam di kawasan tumpuan penduduk akan dibangunkan dan dimajukan – contoh sumber tanah di kawasan FELDA dan FELCRA dengan penanaman getah dan kelapa sawit - sumber tanah tidak terbiar dan membazir

Pemarkahan : Mana-mana 6 isi x 2m = 12 m

6. (a) Huraikan enam peranan bandar metropolis terhadap pembangunan sesebuah negara. [12]

a1 Pusat Pemasaran	● Pusat pemasaran pelbagai jenis produk industri, perkhidmatan, pertanian dll sama ada di dalam atau luar negara. ● Pelbagai jenis perniagaan : borong, runcit, pasar raya, perniagaan perkhidmatan dll. ● Meningkatkan KDNK Negara.
a2 Pusat pekerjaan	● Peluang pekerjaan yang banyak dalam sektor ekonomi moden seperti perindustrian, perkhidmatan, pembinaan, perniagaan dan lain-lain. ● Pengangguran berkurang ● Pendapatan perkapita meningkat. ● Taraf hidup meningkat
a3 Pusat Pemodenan	● Pemodenan dalam segala aspek terutamanya ICT dan Bioteknologi. ● Pembangunan R&D dalam pelbagai bidang. ● Mencipta pelbagai inovasi yang mampu memenuhi citarasa pengguna global.
a4 Pusat Kemudahan kesihatan	● Menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan pakar sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta dengan alatan dan kaedah rawatan yang moden dan canggih.
a5 Pembentukan golongan menengah	● Pembangunan dan pemodenan yang pesat menyebabkan munculnya golongan pekerja, intelektual, pemimpin masyarakat dan ahli politik yang berfikiran luas. ● Golongan yang melakukan perubahan ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang mapan.
a6 Pembauran inovasi	● Pembangunan dan pemodenan yang pesat menyebabkan munculnya golongan pekerja, intelektual, pemimpin masyarakat dan ahli politik yang berfikiran luas. ● Golongan yang melakukan perubahan ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang mapan.
a6 Pembauran inovasi	● Bandar berfungsi sebagai pusat perebakan atau penyebaran inovasi/idea baharu daripada R&D. ● Pembangunan dipercepatkan kerana ramai golongan menengah. ● Penyebaran inovasi melalui media cetak dan media elektronik.
a7 Pusat pelaburan	● Pusat pelaburan modal seperti Bursa Saham Kuala Lumpur.

dan kewangan	• Terdapat institusi kewangan dan bank yang menawarkan penyimpanan dan pinjaman kredit. • Menarik pelabur asing/ tambah dana dalam negara.
a8 Perindustrian	• Tumpuan industri berat, pembuatan dan elektronik • Aglomerasi industri/estet industri • Tumpuan syarikat multinasional (MNCs) • Pemangkin industri negara
Pemarkahan : Mana-mana 6 isi x 2m = 12 m	

(b) Bincangkan enam kesan negatif pembangunan sesebuah bandar metropolis terhadap sosial ekonomi negaranya. [13]

b1 Masalah perumahan / setinggan	• Masalah kekurangan rumah kos rendah dan sederhana. • Persaingan guna tanah bandar menyebabkan harga rumah mahal. • Penduduk miskin dan tidak mampu memiliki atau menyewanya –terpaksa tinggal di petempatan setinggan.
b 2 Kesesakan lalu lintas	• Pertambahan penduduk menyebabkan peningkatan penggunaan kenderaan persendirian dan awam. • Kesesakan yang teruk pada waktu puncak –melambatkan perjalanan–merugikan masa dan risiko kemalangan jalan raya meningkat.
b 3 Kemiskinan bandar	• Masalah pengangguran dan kemiskinan bandar meningkat. • Peluang pekerjaan terhad. • Persaingan kerja dengan warga asing. • Wujud golongan miskin tegar dalam bandar.
b 4 Masalah sosial bertambah	• Kadar jenayah yang tinggi, maksiat, pelacuran, penyalahgunaan dadah dll kerana kos dan tekanan hidup yang tinggi di bandar. • Nilai murni sosial merosot- dipengaruhi oleh budaya luar yang liar, ikatan kekeluargaan yang longgar.

b 5 Masalah kesihatan	• Perebakan penyakit di kawasan tertentu seperti kawasan setinggan (slum area) dan kawasan pembinaan bangunan oleh pekerja asing. • Persekitaran setinggan yang kotor memudahkan penularan penyakit seperti denggi, tibi, H1N1, SARS dll
b 6 Kualiti hidup terjejas	• Kualiti hidup terjejas akibat pencemaran udara ,air dan bunyi. • Kesyakan lalu lintas menyebabkan tekanan hidup di bandar. • Pulau haba bandar-kehidupan menjadi tidak selesa • Keselamatan penduduk terancam – akibat peningkatan kes jenayah dan kemusnahan alam sekitar.
b 7pengangguran	• Tumpuan penduduk menyebabkan persaingan pekerjaan • Golongan berpendidikan rendah dan kurang kemahiran akan menganggur
Pemarkahan : Mana-mana 6 isi x2m =12 m Kesimpulan = 1m Jumlah = 13 m	